

|            |              |         |          |
|------------|--------------|---------|----------|
| TARIKH     | 6 / 9 / 2016 | SEKSYEN | SETEMPAT |
| MUKA SURAT | 19           | RUANGAN |          |

## Tuanku iringi doa

■ Sultan Ibrahim tidak ikut bersama ke Tanah Suci atas faktor kesihatan

Izlaity Nurul Ain Hussein  
izlaity@hmetro.com.my

Johor Bahru

**K**eluarga Diraja Johor dan rombongannya selamat berangkat ke Jeddah sebelum ke Tanah Suci Makkah bagi menunaikan ibadat haji, tengah hari semalam.

Penerbangan itu dinaiki Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah bersama Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah Sultan Ibrahim dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Sultan Ibrahim dan dilaporkan berlepas jam 1.30 tengah hari.

Terdahulu, penerbangan yang membawa Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim dan Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim, berlepas jam 12.30 tengah hari.

Bagaimanapun, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, tidak dapat bersama rombongan haji keluarga diraja itu atas faktor kesihatannya.

Menurut titah baginda menerusi laman sosial Facebook (FB), rombongan isteri dan putera puterinya tidak dapat disertainya kerana baginda baru menjalani prosedur angioplasty.

"Selepas menjalani prosedur angioplasty empat hari lalu, doktor yang merawat saya menasihatkan saya tidak berangkat mengerjakan ibadat haji kerana ia bukan saja membabitkan perjala-



SULTAN Ibrahim menghantar keluarga diraja dan rombongan yang berlepas ke Tanah Suci.



Untuk video byari  
www.hmetro.com.my/mymetrotv

nan jauh, namun juga pelbagai cabaran fizikal lain.

"Keluarga saya dan ahli rombongan tidak mahu meneruskan hasrat untuk ke Tanah Suci tanpa saya, namun ia menjadi hasrat saya supaya mereka menyempurnakan perancangan terbabit.

"Saya mahu pegawai kerajaan negeri dan petugas saya berpeluang menunaikan ibadat haji kerana mereka mungkin tidak berpeluang berbuat demikian pada masa lain.

"Walaupun saya sesung-

gunya ingin bersama mereka, saya reda menerima ketetapan Allah SWT, bahawasanya hanya Dia saja Yang Maha Mengetahui," titahnya.

Tidak berangkat sama ke Tanah Suci ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che Puan Khaleeda Bustamam.

Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Datuk Nooh Gadut, turut menyertai rombongan berkenaan bagi menyempurnakan ibadat haji mewakili Allahyarham Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim.

Sebelum berangkat, rombongan keluarga diraja itu turut ke Makam Diraja Mahmoodlah di sini, bagi menziarahi makam Allahyarham Tunku Abdul Jalil.

Menteri Besar, Datuk Seri

Mohamed Khaled Nordin dan isteri, Datin Seri Rosni Omar, Yang Dipertua Majlis Jumaah Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli serta barisan Exco kerajaan negeri turut menghantar rombongan yang berlepas dari Royal Johor Hangar, Senai.

Pada masa sama, Sultan Ibrahim mendoakan Permaisuri Johor dan semua anakanda serta ahli rombongan sentiasa berada dalam lindungan Allah SWT dan selamat di sepanjang perjalanan pergi dan balik.

"Moga Allah menerima ibadat haji mereka. Saya juga berharap semua yang akan mengerjakan ibadat haji tahun ini selamat dan haji mereka diterima Yang Esa. Kepada Muslimin dan Muslimat, saya mengucapkan selamat menyambut Aidiladha," titahnya.